



## ECOSYSTEM SERVICES IN THE CENTRAL FOREST SPINE: *enabling key actors to identify and assess natural capital and conservation value through the use of TESSA*

### MENJAYAKAN CENTRAL FOREST SPINE

Central Forest Spine (CFS) merupakan salah satu inisiatif konservasi terpenting di Malaysia. Pada tahun 2010, Kerajaan Persekutuan Malaysia telah melancarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi CFS yang menggariskan strategi konservasi bagi CFS, termasuk perlindungan rangkaian ekologi yang terpenting bagi menghubungkan baki kawasan hutan di Semenanjung Malaysia. Namun, kepentingan penggunaan tanah yang bersaing semakin meningkat, termasuk di kawasan rangkaian ekologi - keadaan ini bukan sahaja mengancam habitat hidupan liar tetapi juga menjejaskan integriti ekologi dan perkhidmatan ekosistem yang disediakan oleh CFS.

---

*Penerimaan, kesediaan dan sokongan pihak pemegang taruh untuk melindungi dan menghubungkan semula rangkaian hutan sangat penting bagi kejayaan CFS.*

---

### NILAI PERKHIDMATAN EKOSISTEM

Pada Jun 2020, South East Asia Rainforest Research Partnership (SEARRP) bersama dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melancarkan sebuah projek untuk membina kapasiti JPSM, Jabatan Perhutanan Negeri, agensi-agensi lain yang terlibat di CFS serta pemegang taruh.

Projek ini akan dijalankan selama tempoh tiga tahun dari Jun 2020 hingga Mei 2023 dan mengambil bentuk suatu siri aktiviti-aktiviti pembinaan kapasiti untuk mengenalpasti dan menilai perkhidmatan ekosistem utama di CFS dengan menggunakan *Toolkit for Ecosystem Services Site-based Assessment (TESSA)*.









Matlamat utama projek ini adalah:

- i. Mempertingkatkan kemahiran pemegang taruh CFS untuk mengenalpasti dan menilai perkhidmatan ekosistem;
- ii. Menambah pengetahuan dan memupuk kesedaran mengenai nilai ekologi hutan hujan dan perkhidmatan ekosistem yang disokongnya;
- iii. Menyokong perlindungan kawasan kritikal yang mempunyai perkhidmatan ekosistem utama di CFS.



## PROGRAM MEMBINA KAPASITI

Projek ini terdiri daripada beberapa siri konsultasi, kursus Latihan, bengkel dan kajian lapangan yang akan membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan JPSM, Jabatan Perhutanan Negeri, agensi-agensi lain yang terlibat serta pemegang taruh dalam penilaian perkhidmatan ekosistem di rangkaian 8 tapak di seluruh kawasan Central Forest Spine.

Masa	Aktiviti Utama	Output Utama
TAHUN 1	 Membina rangkaian kerjasama peringkat negeri melalui konsultasi dan bengkel permulaan	Rangkaian 8 tapak sebagai contoh <i>best practice</i> dalam penilaian perkhidmatan ekosistem
	 Mengenalpasti dan mempersiapkan pemimpin pasukan projek di bengkel persediaan serta pemilihan tapak	16+ pelatih dari JPSM, Jabatan Perhutanan Negeri dan agensi-agensi terlibat & 120+ pemegang taruh CFS mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menilai perkhidmatan ekosistem menggunakan TESSA
	 Memperkenalkan penilaian perkhidmatan ekosistem kepada pemegang taruh peringkat tapak melalui bengkel kecil dan mesyuarat	
	 Kursus latihan TESSA #1 dan #2 oleh Tropical Biology Association (TBA) dan SEARRP	
TAHUN 2	 Membina kapasiti dan membimbing pemegang taruh peringkat tapak melalui bengkel dalam menggunakan TESSA	Maklumat baru mengenai perkhidmatan ekosistem di CFS
	 Kerja lapangan fasa #1 dan fasa #2 untuk menilai perkhidmatan ekosistem di tapak	200+ pemegang taruh peringkat tempatan dan nasional memperoleh pengetahuan mengenai perkhidmatan ekosistem
TAHUN 3	 Lawatan sambil belajar antara tapak oleh para pasukan projek	Kajian kes penilaian perkhidmatan ekosistem di CFS diterbitkan
	 Forum perkongsian pengalaman di peringkat tempatan dan nasional	

### RAKAN KERJASAMA

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia | Jabatan Perhutanan Negeri | SE Asia Rainforest Research Partnership

### PEMBERI DANA

Yayasan Hasanah

### HUBUNGI KAMI

Nur Ili Alia Doroh (ili@searrp.org) | Melissa Payne (melissa@searrp.org)